

UCAPAN OLEH : DATO' SERI DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD
(PERDANA MENTERI)

UPACARA: MAJLIS MENGADAP DAN ISTIADAT PENGURNIAAN DARJAH KEBESARAN
SEMPENA ULANGTAHUN HARI KEPUTERAAN SERI PADUKA BAGINDA
YANG DI-PERTUAN AGONG

TEMPAT : ISTANA NEGARA, KUALA LUMPUR

TARIKH : 03 JUN 2000

MASA:

Dengan hormat dan penuh takzimnya pihak Kerajaan, pegawai dan kakitangan Perkhidmatan Awam serta rakyat mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Tuanku sempena ulangtahun Keputeraan Rasmi Tuanku pada hari ini. Rakyat sekalian berdoa ke-hadrat Allah Subhanahu wa Ta'ala semoga dilanjutkan usia serta dilimpahkan rahmat dan hidayah-Nya ke atas Tuanku dan Raja Permaisuri Agong Tuanku Siti Aishah dan semoga Tuanku berdua sentiasa berada di dalam keadaan sihat, sejahtera dan penuh kedaulatan.

2. Kerajaan dan rakyat amat gembira kerana sepanjang pemerintahan Tuanku negara kita berada dalam keadaan aman dan sejahtera. Walaupun terdapat cubaan-cubaan untuk menggugat keamanan negara dan keharmonian kaum oleh pihak-pihak tertentu yang mahu melihat negara kita dilanda huru-hara atau kucar-kacir, berkat pemerintahan Tuanku yang bijaksana negara kita terus aman dan terhindar daripada ancaman-ancaman buruk itu.

3. Sebaliknya, Kerajaan yang didokong oleh majoriti rakyat telah terus berjaya membangun dan memajukan negara. Rancangan-rancangan pembangunan dapat dilaksanakan dengan sempurna dan pesat. Kejayaan negara kita keluar daripada kesan krisis ekonomi sejak tahun lalu membuktikan langkah dan strategi yang kita ambil untuk menanganinya adalah tepat dan berkesan. Malah pihak-pihak yang dahulunya mengecam kita kerana kita kononnya bertindak di luar tata susila ekonomi dunia kini telah menyambut semua tindakan kita setelah kita berjaya dalam menangani krisis ekonomi itu. Kejayaan kita ini adalah berkat pemerintahan Tuanku yang dedikasi, berwawasan dan bijaksana.

4. Syukur Alhamdulillah, baru-baru ini Pilihanraya Umum yang diadakan bagi memilih Kerajaan negara kita telah berlangsung dengan baik dan sempurna. Pilihanraya Umum itu yang diadakan setiap lima tahun tanpa putus-putus jelas adalah satu manifestasi atau bukti bahawa amalan demokrasi oleh negara kita terus

berkembang segar dan sihat. Rakyat telah dengan bebas membuat pilihan mereka untuk menentukan siapa yang harus memerintah negara ini. Dakwaan sesetengah pihak yang kononnya memperjuangkan demokrasi bahawa Malaysia tidak mengamalkan demokrasi dan telah menyekat dan melanggar hak-hak asasi rakyat adalah tidak berasas sama sekali. Dakwaan itu sebenarnya dibuat oleh pihak-pihak yang berniat buruk yang bertujuan melemahkan Kerajaan kita dengan melenyapkan kewibawaan atau kredibiliti negara di mata dunia. Negara kita sekarang dihormati dan amat berpengaruh di kalangan banyak negara membangun dan juga maju kerana dasar-dasar luar kita yang tegas dan berkesan. Dasar luar kita telah merapatkan kita dengan banyak negara yang ditindas oleh kuasa-kuasa dunia yang tidak gemar dengan kebebasan negara-negara lemah yang merdeka.

5. Ini menyebabkan negara kita tidak disenangi oleh negara-negara tertentu. Sebagai balasan pemimpin dan media mereka tidak pernah akui pencapaian kita yang banyak. Mereka tidak akui bahawa Malaysia ialah satu-satunya negara berbilang kaum, agama, budaya dan bahasa, yang tidak mempunyai rusuhan kaum. Mereka tidak akui bahawa kita dapat memulihkan ekonomi kita tanpa bantuan atau tunjuk ajar daripada mereka. Mereka tidak akui bahawa negara kita adalah yang termaju antara negara-negara membangun. Mereka tidak akui bahawa pentadbiran negara ini cekap. Walaupun ada rasuah tetapi ia tidak meluas sehingga menjejaskan pembangunan. Projek infrastruktur yang besar yang kita laksanakan tidak menjejaskan kewangan kita. Sebaliknya simpanan kita meningkat lebih daripada 50 peratus walaupun kita mempunyai banyak projek besar dan kegawatan yang disebabkan manipulasi Ringgit oleh orang asing menimpa kita.

6. Sebaliknya mereka membuat tuduhan yang tidak berasas. Negara lain yang tidak ada demokrasi langsung dan pembangkang ditindas tidak pernah dikecam tetapi, Malaysia di mana parti pembangkang boleh menang hingga menawan negeri-negeri tertentu dikatakan tidak demokratik. Perbicaraan di mahkamah secara terbuka dan berpanjangan dikatakan tidak adil. Kononnya banduan tertentu dipukul atas arahan Kerajaan walaupun jelas ini tidak benar. Kononnya hak asasi manusia tidak dilindungi di Malaysia.

7. Kerajaan Tuanku tidak akan menghiraukan tuduhan-tuduhan ini kerana ia bukan sahaja tidak benar tetapi dibuat oleh orang yang lebih bersalah dalam perkara-perkara ini. Mereka tidak demokratik dengan tidak memberi hak kepada rakyat asli mereka dalam bidang politik, tidak membayar gantirugi selepas merampas harta orang asli, tidak mengendah suara ramai dalam forum antarabangsa, mencabul undang-undang negara asing dengan menculik warganegara untuk dibicara di bawah undang-undang mereka. Polis mereka memukul penunjuk

perasaan, merantakan kaki tangan banduan, memasang alatan di badan banduan yang boleh memberi kejutan elektrik dengan kemungkinan jantung banduan berhenti. Polis mereka menembak mati tanpa usul periksa dan mahkamah mereka mendapati polis tidak bersalah.

8. Orang dan negara yang sebegini ganas dan kejam tidak ada hak menilai prestasi kemanusiaan dan keadilan orang lain. Pepatah Melayu berkata "Paku dulang, paku serpih; katakan orang kita yang lebih".

9. Kerajaan Tuanku akan meneruskan pentadbiran yang adil dan pengamalan sistem pemerintahan yang demokratik. Rakyat diberi kebebasan bersuara dan bertindak asalkan mereka tidak mencabul hak demokratik orang lain. Suara majoriti didaulatkan walaupun suara minoriti boleh disuarakan. Hak asasi bukan untuk bertindak ganas. Tidak akan ada sesiapa yang dikecualikan daripada tindakan undang-undang. Kerajaan akan tentukan negara ini tidak tunduk kepada mana-mana kuasa asing tetapi sebaliknya mempertahankan kebebasan negara Malaysia ini. Dasar luar Malaysia akan mencerminkan pegangan Malaysia kepada keadilan dalam hubungan antarabangsa dan akan menentang segala ketidakadilan yang dilakukan oleh siapa sahaja. Rusuhan tidak akan mempengaruhi dasar-dasar Kerajaan.

10. Kerajaan Tuanku akan mencuba membangunkan ekonomi negara ini dengan seberapa pantas yang mungkin. Pada tahun 1999 ekonomi negara telah tumbuh di paras 5.6 peratus walaupun ramalan Kerajaan hanyalah satu peratus. Pertumbuhan ini membawa banyak kebaikan kepada rakyat. Semua industri dan perniagaan telah dipulihkan dengan pendekatan yang digunakan oleh Danaharta, Danamodal dan Jawatankuasa Penyusunan Semula Hutang Korporat (CDRC). Segala projek Kerajaan yang ditangguhkan kerana kegawatan sudah dihidupkan semula dan telah menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi. Jalan-jalan ekspres, landasan kembar keretapi elektrik, bekalan air dan elektrik, Putrajaya, Cyberjaya sedang dibangunkan mengikut perancangan.

11. Dagangan negara mencatat pertumbuhan yang tinggi dengan lebih imbalan bayaran meningkat kepada 72 bilion Ringgit pada tahun 1999. Bagi tahun ini dijangkakan pertumbuhan ekonomi akan mencatat sebanyak 5.8 peratus.

12. Kehidupan rakyat sekarang adalah lebih sempurna. Pengangguran hampir tidak ada. Kakitangan Kerajaan akan menikmati kenaikan gaji sebanyak 10 peratus. Kajian sedang dibuat untuk membayar gaji bulanan kepada pekerja ladang. Pelbagai dana telah disediakan oleh Kerajaan untuk membantu dan membiayai aktiviti dagangan, pelajaran dan usaha-usaha lain oleh rakyat.

13. Sempena ulangtahun Hari Keputeraan Rasmi Tuanku,

Ahli-ahli Jemaah Menteri dan semua anggota Kerajaan ingin memberi jaminan sekali lagi bahawa segala kerjasama dan sokongan akan diberi kepada Tuanku dalam menjalankan tugas sebagai Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Raja Permaisuri Agong selaras dengan prinsip-prinsip dan keperluan-keperluan Sistem Raja Berperlembagaan. Kerajaan yakin di bawah naungan Tuanku, Malaysia akan terus stabil, maju, makmur dan sejahtera dalam abad dan alaf baru ini.

14. Pada hari yang berbahagia dan penuh istiadat ini, Kerajaan, pegawai dan kakitangan perkhidmatan awam dan rakyat dengan penuh hormat dan takzimnya mengucapkan Selamat Hari Keputeraan kepada Tuanku dan menyampaikan ikrar taat setia yang tidak berbelah bagi kepada Tuanku sebagai Raja yang memerintah dan juga kepada Raja Permaisuri Agong.